

30 NOV 1996

UMNO TOLAK PERMOHONAN, BEKAS ANGGOTA SEMANGAT 46 DIMINTA BERTENANG

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) diminta bertenang dan jangan membuat sebarang reaksi negatif terhadap proses penyertaan semula mereka dalam Umno.

Bekas Ketua Penerangan S46, Ahmad Shabery Chik, hari ini berkata apa yang berlaku hanya masalah teknikal yang tidak harus menjejaskan usaha perpaduan Melayu.

Beliau yakin perkara itu boleh diselesaikan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan bekas Presiden S46, Tengku Razaleigh Hamzah.

Ahmad Shabery mengulas laporan akhbar hari ini yang menyebut Majlis Tertinggi Umno menolak permintaan lebih 120,000 bekas anggota S46 untuk menubuhkan cawangan-cawangan baru Umno khusus bagi mereka.

Laporan itu juga memetik Setiausaha Agung Umno Datuk Sabaruddin Chik sebagai berkata walaupun jumlah 200,000 borang menyertai Umno diterima secara beramai-ramai, tetapi selepas diteliti hanya 10,000 borang yang "senang" diselesaikan.

Ahmad Shabery berkata pagi ini beliau menerima banyak panggilan dan kunjungan bekas S46 yang datang berjumpa dengannya bertanyakan perkara itu.

Menurutnya, beliau memberi keyakinan kepada mereka bahawa kebijaksanaan Dr Mahathir dan Tengku Razaleigh mampu menyelesaikan masalah itu dengan baik demi perpaduan Melayu seluruhnya. -- BERNAMA

HT NAK